

PENYALAHGUNAAN INHALAN DI KALANGAN REMAJA: PERANAN PENDIDIKAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

THE ABUSE OF INHALAN AMONG YOUTH: THE ROLE OF EDUCATION AND LAW ENFORCEMENT

**Norazleen Binti Mohamad Noor¹,
Norlizah Binti Che Hassan²,
Sarina Binti Zain³**

¹Universiti Putra Malaysia, azleenleen76@gmail.com

² Universiti Putra Malaysia, norlizah@upm.edu.my

³ Universiti Sains Malaysia, mydgrenz@gmail.com

Accepted date: 08 April 2018

Published date: 10 July 2018

To cite this document: Noor, N. B. M., Hassan, N. B. C., & Zain, S. B. (2018). Penyalahgunaan Inhalan Di Kalangan Remaja: Peranan Pendidikan dan Penguatkuasaan Undang-Undang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (14), 7-21.

Abstract: *Perbuatan atau tabiat menghidu gam merupakan satu perbuatan yang terjumlah kepada penyakit sosial yang semakin berleluasa pada masa kini, Paling membimbangkan ialah perbuatan ini melibatkan kanak-kanak terutama pelajar sekolah sama ada di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Gejala ini dikatakan sebagai satu alternatif kepada gejala penagihan dadah dimana ia mampu menghasilkan kesan yang sama iaitu khayal tetapi kosnya jauh lebih murah. Perbuatan ini sebenarnya memberi kesan yang mendalam terhadap kesihatan seseorang terutama di bahagian otak sehingga boleh mengundang maut. Artikel ini akan membincangkan kepentingan penegasan peruntukan undang-undang tentang penggunaan gam yang merupakan bahan yang sah di sisi undang-undang untuk kegunaan harian dengan tujuan tertentu. Kajian ini di jalankan di AADK Alor Gajah di mana temubual telah dijalankan ke atas tiga orang responden yang dikenali sebagai penghidu gam selain daripada ketergantungan kepada dadah jenis sintetik. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam pemilihan responden. Artikel ini akan memfokuskan kepada dua perkara utama iaitu kesan tabiat menghidu gam terhadap seseorang dan juga sejauhmana undang-undang serta sistem pendidikan dilihat mampu menjadi solusi terbaik dalam menangani hal tersebut. Beberapa cadangan turut disarankan untuk memastikan agar gejala ini dapat di tangani dengan berkesan.*

Keywords: *Inhalan, Pendidikan, Penguatkuasaan, Undang-Undang*

Abstract: *The Act or habit of sniffing glue is an act which is about addressing the social diseases that increasingly widespread nowadays, the most worrying was this Act involving children, especially school students either in schools secondary or primary school. This symptom was described as an alternative to drug addiction where it can produce the same effects, namely trafficking Ecstasy but it costs a lot cheaper. The Act is actually an impact on one's health, especially in parts of the brain until may invite death. This article will discuss the importance of assertion of legal provisions on the use of glue, which is a substance that legally binding laws for daily use with a particular purpose. This study carried out in AADK Alor Gajah, Malacca where interviews were conducted on three respondents identified as glue sniffer the dependency to drugs other than synthetic type. Purposive sampling techniques were aimed at the selection of respondents who had an experience on glue sniffing. This article will focus on two things, namely the effects of habit of sniffing glue against someone and also how far laws and educational system to be the best solution in dealing with the matter. A few suggestions were also recommended to ensure that this symptom can be solves effectively.*

Keywords: *Inhalan, Education, Enforcement, Law*

Pendahuluan

Seperti yang diketahui seluruh masyarakat dunia sejak dahulu lagi dadah merupakan masalah sosial yang sangat mengancam kesejahteraan malah di Malaysia sendiri kerajaan telah mengisytiharkan bahawa "dadah merupakan musuh utama negara" dan perlu dibanteras. Namun selain dadah yang mendatangkan masalah sosial terdapat juga tabiat atau perbuatan menghidu gam.

Tidak ramai yang sedar bahaya menghidu gam dikalangan generasi muda khususnya kanak-kanak dan remaja yang terdiri daripada pelajar sekolah juga bukan sahaja merupakan penyakit sosial malah turut menjejaskan kesihatan pengamalnya. Perbuatan atau tabiat menghidu gam ini dilihat sukar untuk dikawal dan diatasi serta tidak banyak pihak yang memberi perhatian mengenainya berbanding dengan dadah.

Tulisan ini akan cuba untuk menyoroti dan mengupas mengenai isu ini dari segi amalannya, kesan dan penggunaannya serta penguatkuasaan undang-undang mengenainya. Artikel ini turut akan membincangkan profil individu yang menggunakan inhalan bagi tujuan khayal, pola penglibatan serta penggunaan inhalan, faktor penglibatan, kesan yang dialami ketika dan selepas khayal, serta bagaimana amalan ini memberi impak kepada diri serta keluarga mereka.

Latarbelakang Penyalahgunaan Inhalan

Masalah penyalahgunaan inhalan di kalangan para pelajar dilihat semakin menjadi-jadi. Menurut Razak Lajis (2004), remaja yang berusia antara 14 tahun hingga 17 tahun adalah yang paling kerap terlibat. Masalah ini perlu diselesaikan dengan berhati-hati tanpa dihebohkan berikutan kalangan masyarakat masih tidak mengetahui akan penyalahgunaan inhalan ini dan menganggap ianya tidak memberi sebarang kemudahan kepada yang menggunakannya.

Tetapi kini amalan penyalahgunaan inhalan dilihat bukan sesuatu yang asing dalam masyarakat kita pada hari ini. Di Malaysia, istilah ini lebih popular dan ianya digambarkan dengan perbuatan "menghidu gam" walaupun terdapat banyak produk domestik lain yang mengandungi inhalan. Sifat bahan ini yang mudah meruap menjadikan ia mudah disalahgunakan untuk mendatangkan khayal.

Menurut U.S. Department of Health and Human Services (2003), bahan yang tergolong dalam kategori inhalan adalah pelarut organik, minyak gas, nitrat dan gas anestetik. Gas nitrus oksida (nitrous oxide) yang juga dikenali sebagai laughing gas digunakan secara meluas dalam industri perubatan.

Kegunaan inhalan yang meluas dalam industri pembuatan menjadikan ia dapat diperolehi dengan mudah dalam pelbagai jenis produk kegunaan harian seperti aerosol pembunuh serangga, gam pelekat, cecair pencuci, alat tulis dan produk kecantikan seperti varnis kuku. Terdapat juga produk-produk lain yang mengandungi jenis inhalan yang berbeza dan kesan pendedahannya kepada tubuh badan juga adalah berlainan.

Di Amerika Syarikat, penyalahgunaan inhalan mendapat perhatian umum seawal tahun 1959 dan masyarakat telah didedahkan tentang bahaya inhalan sejak dini lagi. Pendedahan kepada umum terhadap kesan dan bahaya tingkahlaku penggunaan inhalan telah menimbulkan kesedaran yang tinggi di kalangan umum khususnya penduduk pada ketika itu.

Kajian demi kajian dilakukan oleh para pengkaji dari AS untuk meneliti dan melihat tren penyalahgunaan inhalan di kalangan remaja dan kanak-kanak, disamping mengenalpasti tahap keseriusan gejala ini.

Namun begitu di Malaysia, agensi berwajib tidak mempunyai pengkalan data yang komprehensif untuk dijadikan rujukan. Walaupun penyalahgunaan inhalan telah berlaku sejak sekian lama, gejala ini tidak mendapat fokus yang meluas seperti penyalahgunaan dadah berbahaya sedangkan tabiat ini memberikan impak negatif yang signifikan.

Antara faktor perbuatan ini, berlaku ialah disebabkan oleh masalah sosial dan tekanan iaitu tanpa orang awam sedar bahawa perbuatan ini jauh lebih bahaya daripada yang disangkakan. Untuk mengatasi masalah dan mengurangkan rasa tertekan tersebut maka jalan mudah yang diambil ialah dengan menghidu gam.

Selain itu menurut guru-guru di sekolah, pelajar-pelajar sekolah yang terlibat menyorokkan bungkusan gam ke dalam pakaian seragam sekolah dan secara perlahan-lahan menghidunya sepanjang hari. Kebiasanya perbuatan atau tabiat menghidu ini melibatkan pelarut yang mengandungi nitrous oksida, eter dan klorofom yang telah disalahgunakan dengan cara seseorang itu sengaja menghidu bahan kimia yang meruap termasuklah bahan-bahan pelarut organik dan campuran hidrokarbon bagi tujuan rekreasi.

Penyalahgunaan bahan-bahan ini telah mula berleluasa sejak abad ke 19 dan semenjak tahun 1971. Sehingga tahun 1991 sebanyak 1237 kes kematian dilaporkan disebabkan penyalahgunaan pelarut di United Kingdom sahaja, manakala di Malaysia tidak banyak kes yang dilaporkan secara rasmi iaitu hanya melibatkan 63 kes sahaja sejak 1990-1994.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini bahan pelarut ini dihidu dalam bentuk meruap iaitu dalam transformasi gas yang kemudiannya dihidu. Cara penggunaan bahan pelarut ini adalah pertama melalui hidung atau mulut yang dihidu secara terus dari bekasnya, kedua; menyerap bahan tersebut dengan kain yang kemudiannya kain dilekatkan kepada hidung atau mulut dan dihidu, dan ketiga dengan menuang ke dalam plastik dan menghidunya.

Kebiasaannya penghidu gam ini menghidu gam dengan cara meletakkan gam ke dalam plastik yang dibiarkan dalam keadaan meruap dan ditelengkupkan ke hidung dengan cara menyedut gas yang terkumpul tersebut. Perbuatan ini memberi kesan secara psikoaktif atau "mind-altering" terhadap penghidu.

Selain itu terdapat juga cara lain yang dilakukan iaitu dengan meletakkan bahan pada baju dan menghidu pada masa tertentu atau wap dimasukkan ke dalam tin minuman dan dihidu daripada tin tersebut. Menghidu gam ini dianggap sebagai tabiat menghidu dan bukan sebagai penagihan kerana tiada kesan dari segi ketagihan secara fizikal tetapi sebenarnya ada ketagihan secara psikologi. Ketagihan ini berlaku apabila penghidu merasa terpanggil untuk mengulangi perbuatan itu kerana merasa seronok berada dalam keadaan "high" atau khayal.

Di Malaysia, tidak banyak kajian yang dibuat untuk melihat kesan bahaya penggunaan inhalan tersebut. Kajian ini cuba mengupas dan mengetengahkan maklumat asas tentang individu yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan inhalan khususnya di daerah Alor Gajah, Melaka. Ianya diharapkan mampu menjadi pemangkin dalam usaha mendokumentasikan perkembangan gejala ini di Malaysia selain sebagai titik tolak kepada usaha seterusnya demi menyedarkan dan menyelamatkan golongan sasaran yang terlibat dan mempunyai risiko untuk terlibat.

Adalah sukar untuk pihak berwajib seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk merangka program pencegahan yang sesuai dan berfokus kerana kurangnya input tentang golongan sasar yang perlu diberi perhatian berikutan kita tidak mempunyai pengkalan data yang lengkap.

Artikel ini akan membincangkan profil individu yang menggunakan inhalan bagi tujuan khayal, pola penglibatan serta penggunaan inhalan, faktor penglibatan, kesan yang dialami ketika dan selepas khayal, serta bagaimana amalan ini memberi impak kepada diri serta keluarga mereka. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam usaha menangani masalah yang berlaku memandangkan tidak banyak kajian yang seumpamanya dilaksanakan

Pengakuan Penghidu Gam

Bagi mendapatkan pengalaman dan gambaran sebenar mengenai tabiat menghidu gam ini pengkaji telah melakukan temubual dengan seorang penghidu gam. Beliau yang hanya mahu dikenali sebagai A berumur 19 tahun yang merupakan pembantu di kedai mesin fotokopi. A merupakan anak ketiga daripada lima adik beradik iaitu yang terdiri daripada 2 orang kakak, seorang adik perempuan dan seorang adik lelaki. Arwah bapa A pernah bekerja sebagai pembantu teknikal dan ibunya pula merupakan suri rumah sepenuh masa.

Menurut A yang hidup dalam keadaan keluarga yang sederhana dan tidak mempunyai masalah keluarga serta bahagia mengakui mula menghidu gam seawal usia 13 tahun ketika mula menginjakkan kaki ke alam sekolah menengah. Berbekalkan gam kasut jenis Dunlop yang dibeli dalam tin berharga lebih kurang RM3 lebih, A memulakan perbuatan pertamanya menghidu gam suatu hari semasa waktu rehat di sekolah pada pukul lebih kurang 10 pagi secara berseorangan.

Pengalaman pertama menghidu gam menurut A adalah sangat teruk. Seluruh kepalanya terasa berat, menjadi pening serta sakit dan terasa seperti hendak muntah. Walaubagaimanapun, apabila dia terus menghidu gam tersebut, perasaan tadinya yang begitu teruk telah berubah dan

bertukar menjadi pengalaman seolah-olah terbang di awangan dan begitu ringan dan tenang serta seronok sekali.

Kebiasaannya A akan menghidu sehingga habis satu tin gam tersebut yang dibeli menggunakan wang belanja sekolah. Menurutnya lagi ibunya tidak tahu mengenai perbuatannya. Menurut A lagi, titik permulaan perbuatan menghidu gam tersebut bermula apabila mendengar cerita daripada kawan-kawan mengenainya dan terpengaruh dengan pengalaman yang begitu mengasyikan yang diceritakan oleh rakan-rakan. Namun A jarang sekali menghidu gam bersama kawan-kawannya dan lebih gemar melakukannya bersendirian.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat:

1. Faktor-faktor yang berpengaruh terhadap tingkah laku menghidu gam di kalangan remaja.
2. Peranan pendidikan dalam menimbulkan kesedaran terhadap remaja sekaligus masyarakat tentang bahaya inhalan dan kesannya terhadap seseorang.
3. Kepentingan penguatkuasaan undang-undang dalam menangani masalah inhalan dalam kalangan remaja.

Persoalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab beberapa soalan seperti berikut:

1. Apakah faktor yang berpengaruh terhadap tingkah laku menghidu gam di kalangan remaja?
2. Sejauhmanakah sistem pendidikan mampu memainkan peranan terhadap memberi kesedaran kepada remaja dan masyarakat?
3. Bagaimanakah penguatkuasaan undang-undang mampu menangani masalah inhalan dalam kalangan remaja?

Batasan Kajian

Kajian ini akan dilakukan di AADK Alor Gajah Melaka dan kawasan sekitarnya yang di dapati berisiko. Sampel yang dipilih adalah sampel yang dikenalpasti terlibat dengan aktiviti sosial tersebut. Mereka telah melalui sesi kaunseling di bawah tadbiran seorang kaunselor. Remaja-remaja ini telah diberi nasihat dan penerangan untuk mengelakkan diri daripada terus terjebak dengan aktiviti sosial berikut. Proses kaunseling ini sekaligus berupaya menyelamatkan diri mereka daripada terjerumus ke kancang penagihan dadah. Sebahagian besar remaja yang terjebak dengan aktiviti hidu gam ini telah melebarkan aktiviti tersebut kepada penggunaan dadah-dadah lainnya. Kajian ini juga terbatas kepada jawapan temubual sampel. Hal ini kerana hasil kajian adalah amat bergantung kepada keikhlasan sampel semasa menjawab temubual yang berlangsung.

Tinjauan Literatur

Inhalan merupakan sejenis dadah sama ada dalam bentuk gas atau aerosol, atau pelarut di mana wapnya akan disedut untuk membangkitkan rasa euphoria. Kamus Perubatan Dorland (2003) mendefinisikan inhalan sebagai bahan yang diambil menerusi saluran respiratori, iaitu hidung dan trakea. Ini termasuk perbuatan menyedut atau memasukkan sejenis bahan kimia (dadah) yang boleh menimbulkan kesan psikoaktif ke dalam saluran pernafasan.

Kamus Perubatan Merriam-Webster pula menyatakan inhalan merangkumi pelbagai bahan yang kebanyakannya bersifat toksik (seperti cat, gam/glue atau pelarut) yang mana wap daripada bahan-bahan ini kadang-kadang dihidu untuk mendapatkan kesan khayal.

Sementara itu, Sharp (1992) telah mengelaskan inhalan kepada 5 sub-kategori iaitu (a) gas anestetik perubatan seperti nitrous oxide, chloroform dan halothane; (b) solven industri dan domestik; (c) solven yang didapati di pejabat (alatulis) dan untuk kegunaan kraftangan/kesenian seperti pelarut dalam marker dan cecair pepadam; (d) gas yang digunakan dalam produk komersil dan domestik seperti pemetik api butana; dan (e) aerosol seperti yang terkandung di dalam penyembur fabrik, rambut dan sebagainya.

Definisi yang diutarakan tidak berbeza daripada makna inhalan yang diketengahkan oleh Wilayah Victoria, Australia di bawah Drugs, Poisons and Controlled Substances Act 1981, "...as including a) plastic solvent, adhesive cement, cleaning agent, glue, dope, nail polish remover, lighter fluid, gasoline, or any other volatile product derived from petroleum, paint thinner, lacquer thinner, aerosol propellant or anaesthetic gas..." Berbeza sedikit daripada apa yang dinyatakan oleh Sharp (1992), Serenity Lane⁷ (nd) menyatakan terdapat tiga jenis inhalan iaitu volatile solvent⁸, nitrite⁹ dan anesthetics. Inhalan memberi kesan psikoaktif kepada pelaku dan kesan ini.

Selaras dengan dapatan Mahmood dan Mohammad Shahid (2007), faktor utama yang membawa kepada penyalahgunaan inhalan di kalangan responden adalah pengaruh rakan sebaya dipamerkan melalui gangguan sementara terhadap persepsi, tingkah laku, emosi dan pertuturan. Kesan yang ditimbulkan oleh inhalan ini menyebabkan ia digunakan secara meluas dalam bidang perubatan untuk melegakan kesakitan (Inhalant, 2009).

Satu contoh yang popular adalah penggunaan gas nitrus oksida sebagai general anesthetic dalam bidang pergigian, pembedahan dan proses kelahiran anak. Gas nitrus oksida adakalanya dikenali sebagai laughing gas kerana si pemakai akan berasa gembira setelah menggunakannya (Nitrus oxide, nd). Walaubagaimanapun, gas ini memberikan kesan dalam tempoh singkat dan oleh sebab sifatnya yang memberi kesan sementara, ia seringkali digunakan bersama anesthetic lain.

Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk menyedut inhalan. Williams et. al (2007) menyatakan pelbagai istilah jalanan telah diadakan untuk menggambarkan tabiat ini. Untuk gam, istilah sniffing, snorting, huffing, glading dan dusting telah diperkenalkan dan istilah-istilah ini berbeza mengikut jenis bahan yang digunakan. Pengambilan bahan terus dari bekas asal melalui hidung dikenali sebagai sniffing atau snorting, manakala tataraca melalui mulut dinamakan huffing.

Istilah huffing juga merujuk kepada perbuatan menyedut wap inhalan daripada kain yang telah dibasahkan dengan pelarut dan kemudian meletakkannya berhampiran muka, atau menyumbat kain tersebut ke dalam mulut. Artikel Williams et al. yang diterbitkan dalam jurnal Pediatrics, Mei 2007 menyatakan kesan intoksifikasi akan berlaku selama beberapa minit tetapi boleh dipanjangkan dengan menyedut inhalan secara berterusan. Pertuturan tidak teratur, rasa pening, gangguan koordinasi anggota badan dan cara berjalan tidak menentu; berlaku selaras dengan peningkatan dos inhalan yang diambil.

Maxwell (Ibid) melaporkan 144 kematian di Texas yang berlaku antara tahun 1988 dan 1998 mempunyai kaitan dengan penyalahgunaan inhalan. Kajian Drug Abuse Warning Network (DAWN) mendapati 676 individu yang dikerjakan ke wad kecemasan di hospital-hospital yang dikaji pada tahun 2001, adalah disebabkan oleh tingkahlaku inhalan. Jumlah ini diramalkan berganda pada tahun 2002 (Ibid).

Jumlah kematian yang signifikan dicatatkan kerana bahan kimia yang terkandung dalam produk yang disalahgunakan adalah toksik dan tidak seharusnya didedahkan secara langsung kepada tubuh badan manusia. Kesan tidak langsung seperti risiko kematian berlaku apabila individu terjatuh dari tempat tinggi, terlibat dalam kemalangan jalan raya dan mati lemas ketika sedang khayal. Selain kesan-kesan umum yang dikenalpasti, terdapat satu kesan yang tidak boleh diketepikan sama sekali tetapi jarang diketahui oleh pelaku.

Sudden sniffing death syndrome (SSDS) merupakan pembunuh utama mereka yang menggunakan inhalan. Laman web In the Know Zone (2001) menyatakan sindrom ini berlakusecara rawak, dan tidak bergantung kepada kekerapan penyalahgunaan inhalan. SSDS boleh berlaku pada bila-bila masa.

Sebanyak 22% individu di Amerika Syarikat yang mati akibat sindrom ini didapati tidak mempunyai sejarah penyalahgunaan inhalan. SSDS berlaku apabila individu yang sedang menyalahgunakan inhalan mengalami kejutan atau rasa teruja yang amat sangat. Keadaan ini boleh diakibatkan oleh rasa terperanjat (apabila perbuatannya dilihat oleh orang lain) atau beliau mengalami khayalan yang menakutkan atau terlampau menyeronokkan.

Rangsangan ini menyebabkan penghasilan hormon epinephrine yang juga dikenali sebagai adrenalin. Fungsi adrenalin adalah untuk menyediakan tubuh badan menghadapi situasi yang mengujakan, pada masa yang sama membantu mengkoordinasikan fungsi badan yang tidak terkawal seperti denyutan jantung. Adrenalin atau epinephrine meningkatkan tekanan darah serta degupan jantung.

Artikel yang sama turut menyatakan bahawa kehadiran bendasing dalam badan seperti bahan kimia inhalan menjadikan jantung otot lebih sensitif terhadap kehadiran epinephrine. Di bawah keadaan ini, apabila epinephrine tiba ke jantung, organ ini akan mengalami arrhythmia (degupan jantung tidak sekata). Arrhythmia yang berterusan boleh membunuh dalam masa beberapa saat sahaja.

Dengan bahaya dan risiko kematian mengejut yang telah dikenalpasti, kenapa inhalan masih begitu popular terutamanya di kalangan kanak-kanak dan remaja? Keadaan ini didorong oleh status inhalan yang murah dan mudah didapati menjadikan ia bahan yang sering disalahgunakan.

Kajian Professor Dr. Hussain Habil mendapati gejala ini kerap kali berlaku di kalangan remaja berusia 18 tahun ke bawah dan di kalangan kanak-kanak seawal usia 11 tahun. Antara isu yang berkaitan dengan gejala ini adalah ketiadaan akta di negara ini untuk membendunginya, sungguhpun negara jiran iaitu Singapura telah mempunyai akta yang komprehensif untuk memerangi tingkahlaku inhalan seawal tahun 1987.

Ketiadaan akta yang khusus menjadikan individu berani untuk terlibat dengan gejala ini secara terang-terangan kerana pihak berwajib tidak mempunyai kuasa untuk menahan mereka,

melainkan si pelaku terlibat dalam aktiviti jenayah ketika sedang khayal akibat inhalan. Kekurangan ini mungkin menjelaskan kenapa dari tahun 2000 hingga 2005, hanya terdapat 75 kes sahaja yang dicatatkan di seluruh negara, dan angka ini tidak menggambarkan keadaan sebenar insiden penyalahgunaan inhalan yang berlaku di negara kita.

Dapatan Kajian

Faktor Penglibatan Dalam Tingkahlaku Inhalan

Preboth (dalam Mohammad Shahid Ismail & Mahmood Nazar Mohamed, 2007) mendapati harga gam yang murah, senang diperolehi dan mudah disembunyikan menjadi sebab kenapa kanak-kanak cenderung terlibat dengan gejala ini. Selain faktor akses yang mudah kepada bahan, faktor psikologi merupakan faktor utama yang menjelaskan kenapa remaja mudah terjebak ke dalam tingkahlaku ini.

Malahan, aspek psikologi menjadi fokus pengkaji di seluruh dunia apabila cuba menghuraikan kelakuan devian di kalangan remaja. Untuk melihat faktor penglibatan daripada sudut psikologi, adalah perlu untuk memahami keadaan serta sifat-sifat seorang remaja. Pada peringkat usia ini, seseorang remaja melalui satu fasa hidup atau peralihan daripada seorang kanak-kanak kepada seorang dewasa. Pada tahap inilah individu tersebut mengalami perubahan daripada segi fizikal, kognitif, neurologi, emosi dan personaliti. Ringkasnya, fasa hidup ini dipenuhi pelbagai cabaran disebabkan perubahan-perubahan yang berlaku kepada individu tersebut.

Selain memberi kesan dari segi kesihatan, perbuatan menghidu gam ini juga memberi kesan dari segi sosial. Hal ini kerana selepas dilihat keadaan dan situasi penghidu gam dan kesannya seperti kematian dan perbuatan yang di luar kawalan maka perbuatan ini memang terjumlah kepada penyakit sosial. Kegiatan menghidu gam menjadi "mukadimah" bagi seorang remaja untuk terus terdorong dalam kegiatan penagihan dadah jenis yang lebih serius.

Berdasarkan pengakuan yang diceritakan oleh penghidu gam sebelum ini dan laporan yang dibuat oleh media massa, perbuatan ini memang menimbulkan masalah sosial. Masyarakat bukan sahaja memandang serong dan jijik dengan perbuatan ini malah turut berasa tidak selamat dan takut dengan keadaan mereka yang berada dalam keadaan khayal yang mampu untuk melakukan apa sahaja tanpa sedar dan di luar kawalan.

Perbuatan ini juga boleh menimbulkan pengaruh terhadap rakan sebaya bagi melakukan perbuatan yang sama. Tambahan pula, ia akan menimbulkan masalah disiplin seperti ponteng sekolah selain daripada prestasi akademik yang semakin merosot kerana penghidu gam banyak menghabiskan masa dengan menghidu gam.

Selain itu juga perbuatan menghidu gam ini juga merupakan faktor yang menjerumuskan seseorang ke penagihan dadah selain daripada perbuatan merokok. Malah turut membuka pintu kepada jenayah lain seperti mencuri dan mengganggu ketenteraman awam.

Selain daripada itu kesan sosial yang terhasil daripada tabiat ini ialah kepincangan institusi keluarga. Apabila ada ahli keluarga yang mendapat tahu bahawa ada di antara ahli keluarganya yang menghidu gam maka akan timbul satu perasaan lain dan pandangan yang negatif.

Bagi ibubapa khususnya kaum ibu akan mengalami tekanan dan perasan malu terhadap masyarakat. Ini kerana mereka beranggapan bahawa mereka telah gagal mendidik anak-anak

dengan baik. Hal ini akan merenggangkan hubungan sesama ahli keluarga. Keakraban di kalangan adik beradik penghidu akan cenderung renggang. Mereka mula menjauhkan diri dari penghidu gam kerana berasa jijik dengan perbuatan tersebut.

Ada juga keadaan dimana ibu bersifat lebih melindungi anak tersebut sehingga mengabaikan anak-anak-yang lain. Terdapat juga ibubapa yang tidak boleh menerima hakikat keadaan anak-anak yang menghidu gam yang sebenarnya memerlukan rawatan segera. Ini kerana mereka juga beranggapan bahawa perbuatan itu tidak serius dan ianya memadai dengan hanya menegur dan memarahi si anak sahaja tanpa menyedari keadaan yang lebih parah boleh berlaku jika tindakan dan pencegahan segera tidak diambil.

Penyalahgunaan inhalan lebih kerap berlaku di kalangan remaja berusia antara 12 hingga 15 tahun, walaupun ada yang mencatatkan penglibatan seawal usia 8 tahun. Kajian di United Kingdom dan Eropah pada tahun 2004 mendapati lebih ramai kanak-kanak berusia 11 hingga 12 tahun terlibat dengan inhalan berbanding dadah jenis lain.

Selain itu, terdapat tren peningkatan jumlah individu yang terlibat dalam tabiat menggunakan inhalan secara rekreasi bagi peringkat umur 13 hingga 15 tahun. Begitu juga di Scotland, gejala ini popular dalam kalangan mereka yang berusia 13 hingga 15 tahun (Harris, 2006).

Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan umur antara lelaki dan perempuan yang menyalahgunakan inhalan, tetapi ratio kematian mengikut jantina adalah 4 lelaki: 1 perempuan. Di Amerika Syarikat pula, usia awal penglibatan adalah antara 12 hingga 17 tahun. Selain inhalan, bahan yang popular bagi kumpulan umur ini adalah marijuana.

Kajian Hazman bin Seli et. al (2005) ke atas pelajar di beberapa buah sekolah di persisiran pantai Sarawak mendapati rasa ingin tahu serta pengaruh rakan sebaya merupakan dua faktor utama kenapa remaja menghidu gam. Kajian tersebut turut mendapati salah satu punca yang menyebabkan gam menjadi pilihan adalah kerana tiada sekatan undang-undang ke atas bahan ini. Pendapat ini mempamerkan kefahaman responden tentang had tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas mereka. Tiada akta bermaksud tiada hukuman kerana perbuatan menghidu gam bukan diklasifikasikan sebagai satu kesalahan.

Kerangka Teori

Teori Piaget

Teori Piaget (1952) menyarankan penglibatan empat fasa perkembangan manusia, di mana setiap satu fasa adalah lebih kompleks daripada fasa sebelumnya, dan perkembangan ini melibatkan kebolehan pemikiran abstrak dan logikal. Teori ini menjelaskan bahawa seseorang remaja berada pada fasa keempat, iaitu fasa operasi formal. Pada fasa ini, individu tersebut mempunyai kebolehan untuk berfikir tentang konsep-konsep abstrak atau benar. Dia juga berupaya mempertimbangkan sesuatu isu berdasarkan pandangan lain dan menyelesaikan masalah kognitif berasaskan cara yang logikal.

Pada peringkat awal peralihan fasa, seseorang remaja mungkin baru mengenali kemampuan mereka dan berada pada peringkat yang tidak stabil. Pada fasa ini juga, seseorang remaja akan mengalami perubahan pada otak atau sistem sarafnya, terutamanya berpusat di prefrontal cortex yang melibatkan pemikiran yang kompleks dan abstrak. Perkembangan ini menjelaskan mengapa kebanyakan remaja mempunyai perangai tidak wajar dan melibatkan diri dalam tingkah laku yang berisiko (risk taking behaviour) walaupun mengetahui kelakuan tersebut sebenarnya tidak seharusnya dilakukan.

Pada peringkat ini juga, nilai diri atau self esteem mula terbentuk dan ia turut dipengaruhi oleh pandangan rakan-rakan terhadap mereka. Keadaan ini bergantung kepada sama ada mereka mempunyai pemikiran dan minat yang sehalu dengan rakan-rakan mereka. Oleh yang demikian, kebanyakan remaja terlibat dalam gejala menyalahguna inhalan (menghidu gam) akibat pengaruh rakan-rakan.

Pengaruh dalaman kumpulan (in group influence) merupakan faktor kenapa kesamaan kumpulan adalah penting. Identiti kumpulan menjadi identiti mereka sendiri, dan mereka akan bersatu dalam membuat keputusan yang seiras. Ahli psikologi sosial menerangkan bahawa pakatan yang wujud dalam kumpulan dirangsangkan oleh sejauhmana ahli-ahli kumpulan berkongsi ciri-ciri yang sama.

Perkembangan remaja adalah berasaskan tuntutan masyarakat ke atas individu dan keperluannya. Jika berjaya sesuaikan diri, seseorang dapat hadapi masa depan dengan lebih matang. Sebaliknya, jika gagal dan wujud kebimbangan diri, maka tidak dapat berfungsi sebagai individu yang matang.

Teori Kawalan Sosial

Individu yang tidak mempunyai ikatan yang kuat dengan institusi masyarakat, cenderung jadi devian. Menurut Mohd Nazar Mohamad (1990), mentakrifkan tingkah laku bermasalah seseorang sebagai tingkah laku yang mengganggu perjalanan hidup seseorang. Kajian menunjukkan tingkah laku bermasalah timbul kerana kurangnya keupayaan individu dalam proses adaptasi mahupun akomodasi apabila menghadapi perubahan situasi dalam persekitaran. Masalah ini membawa kepada perkembangan sikap yang tidak konvensional dan seterusnya terlibat dalam kelompok rakan sebaya yang tidak konvensional juga. Wujud perbezaan tingkat rangsangan dan mencari sensasi.

Status Perundangan

Tidak lengkap perbincangan yang dibuat tanpa merujuk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam menangani masalah ini. Tidak dinafikan najis dadah mempunyai peruntukan khusus seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 (pindaan 1998), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pernulihan) 1983 (Pindaan 1998) yang mengawal dan mentadbir undang-undang berkaitannya. Oleh kerana gam bukan termasuk dalam definisi dadah menurut Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, tidak ada satu peruntukan undang-undang yang boleh dijadikan asas untuk mengawal dan mencegah perbuatan ini dari terus berleluasa di kalangan masyarakat terutamanya anak-anak sekolah.

Ini kerana gam adalah bahan pelarut yang digunakan untuk kegunaan harian walaupun ia telah disalahgunakan daripada fungsinya yang asal. Satu-satunya undang-undang yang menyebut mengenai gam ialah Akta Racun 1952. Akta Racun telah digubal untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengeluaran, penjualan dan penggunaan racun.

Racun bermaksud bahan yang dinamakan dan disenaraikan di dalam senarai racun dan termasuklah apa jua campuran, scdiaan, larutan atau berbentuk ash yang mengandungi bahan tersebut. Namun demikian gam tidak termasuk dalam senarai ini. Walaubagaimanapun apa yang menarik berkenaan dengan peruntukan dalam Akta Racun 1952 ialah seksyen 30(5) yang memperuntukkan bahawa: "Any" person who contravenes subsection (3) or any regulation made under this Act relating to psychotropic substance shall be guilty of an offence and shall,

Oil Conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgits or to imprisonment for a term not exceeding ten thousand ringgits or to imprisonment for a term not exceeding four years or both".

Manakala dalam subseksyen (3) seksyen yang sarna pula menyebut bahawa: "Notwithstanding any other provisions in this Act, no person shall import, export, manufacture, compound mix, dispense, sell, supply, administer, possess or use any psychotropic substance otherwise than in accordance with any regulations applicable thereto made under this act".

Jika diteliti daripada seksyen diatas jelas didapati bahawa mana-mana perbuatan yang merangkumi pembuatan, pemprosesan, bekalan, pengedaran, penjualan atau menggunakan mana-mana bahan psikotropik adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 30(5) dan boleh dikenakan hukuman.

Jika kita merujuk kepada penggunaan daun ketum di kalangan masyarakat desa yang akhirnya menyebabkan kerajaan mewartakan daun ketum sebagai bahan terlarang di bawah akta ini, ia bertujuan untuk memastikan daun ini tidak disalahgunakan sebagai satu bentuk 'bahan khayal' yang murah dan senang didapati. Ini kerana daun ketum ini sebenarnya merupakan salah satu perubatan tradisional yang digunakan sejak dahulu lagi. Ia digunakan untuk merawat pelbagai penyakit seperti sakit perut, sakit cacing dan kesan analgesic.

Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah temubual bersemuka untuk mendapatkan informasi daripada responden terbabit. Untuk memperkaya dapatan kajian ini, kaedah temubual berfokus dengan beberapa orang remaja telah dilaksanakan di AADK dan di luar institusi yang memberikan suasana yang lebih terbuka dan informal. Ini adalah untuk mewujudkan keselesaan di kalangan responden.

Pengkaji melakukan temubual bagi kajian ini dengan dibantu oleh seorang pegawai AADK di cawangan terbabit. Responden yang dipilih adalah mereka yang tidak sahaja terbabit dengan aktiviti menghidu gam, malahan ada yang menggunakan tahi lembu yang dicampur dengan sejenis bahan untuk memberikan kesan yang lebih menghayalkan.

Jenis data yang digunakan dalam perbincangan artikel ini terdiri daripada data primer yang diperolehi melalui kaedah perbincangan dan temubual berfokus. Input data sekunder antara lain adalah laporan, jurnal, artikel dan berita yang diterbitkan oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan isu penyalahgunaan inhalan sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.

Data daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membantu mengenalpasti kawasan-kawasan yang wajar diberikan tumpuan ketika kerja lapangan dilaksanakan. Maklumat yang diperolehi daripada dialog responden dianalisis secara interpretatif dan refleksi serta disampaikan secara naratif dalam penulisan. Kaedah ini membenarkan remaja yang dikaji bercakap bagi pihak diri sendiri dan 'kalimah sebenar' yang dituturkan oleh responden dikekalkan dalam penulisan (Donovan 1988; Robinson, 1998; Colonius, 2006; Suriati dan Colonius, 2008) Melalui cara ini penulis akan memberi 'makna' terhadap maklumat yang diperolehi (Kearns 1997; Garvin dan Wilson 1999).

Cadangan Menangani Masalah Inhalan

Penyebaran Maklumat Yang Berkesan

Penyebaran maklumat tentang bahaya tingkahlaku inhalan adalah perlu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang buruknya gejala menyalahgunakan bahan. Media massa merupakan medium terbaik untuk mengetengahkan isu ini. Maklumat-maklumat yang perlu disebarkan termasuklah tentang kesan gejala ini yang boleh menyebabkan kerosakan kekal serta tanda-tanda untuk mengenalpasti individu yang terlibat dengan penyalahgunaan inhalan.

Informasi sedemikian dirasakan perlu kerana ramai yang masih tidak sedar tentang impak tingkahlaku ini dan terdapat ibu bapa yang masih tidak sedar bahawa anak mereka terlibat dengan gejala tersebut. Ceramah kesedaran dan paparan poster berinformasi perlu dilaksanakan secara agresif di sekolah-sekolah menengah, di mana terdapatnya golongan berisiko tinggi.

Anak-anak muda perlu diingatkan bahawa tindakan yang asalnya hanya untuk suka-suka, boleh membawa padah yang berpanjangan. Usaha-usaha tersebut juga perlu dipanjangkan ke sekolah rendah kerana kajian mendapati kanak-kanak mula menghidu gam seawal usia 9 tahun. Hasil tinjauan literatur mendapati tempoh penglibatan merosot dengan peningkatan pengetahuan atau kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan bahan.

Kajian NIDA-MTF turut mendapati angka pembabitan menurun apabila kesedaran bertambah. Justeru, langkah proaktif untuk menyekat tingkahlaku ini adalah sangat penting. Hal ini kerana apabila anak-anak sudah mula terjebak dan mula bergantung kepada bahan untuk memuaskan kehendak, mereka akan tersepit di dalam keadaan semi-khayalan dan sentiasa ingin kembali ke alam khayalan. Seringkali usaha pemulihan bagi golongan ini jarang sekali membuahkan hasil. Melalui tindakan proaktif iaitu melalui input kesedaran dan pengetahuan yang mencukupi, diharapkan masalah ini dapat dibendung dengan berkesan.

Memantau Pengaruh Rakan Sebaya

Selain program pencegahan yang mendedahkan maklumat tentang bahaya tingkahlaku ini, remaja juga perlu diberi motivasi serta keyakinan untuk membuat keputusan yang betul serta tidak terikut-ikut telunjuk rakan sebaya. Justeru, pengaruh negatif daripada rakan sebaya harus dibendung. Memandangkan sebahagian kumpulan yang berisiko tinggi ini merupakan pelajar yang tercicir dari sekolah, langkah pencegahan melalui pendidikan dan penyebaran maklumat secara formal mungkin tidak memadai.

Dalam konteks ini, ahli masyarakat, guru dan ibu bapa perlu memerhatikan sekiranya wujud perkumpulan atau persepakatan yang tidak sihat di sekolah atau kejiwaan yang dihuni. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar berhati-hati memilih rakan. Sekiranya didapati mereka tersilap langkah dengan memilih rakan atau kumpulan yang mempunyai sikap yang bertentangan dengan nilai murni masyarakat, maka ibu bapa perlu memisahkan anak-anak daripada perkumpulan tersebut.

Faktor pengaruh rakan sebaya yang menjadi punca kepada individu menghidu gam bukan sesuatu yang asing. Kesatuan ini amat penting sehinggakan mereka terlibat dan meninggalkan gejala ini secara berkumpulan. Atas alasan ini, usaha pencegahan atau pemulihan boleh dilakukan secara berkumpulan dan pendekatan ini perlu dikaji dengan lebih mendalam dari segi pelaksanaannya. Walaubagaimanapun, pencegahan adalah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, amat penting untuk memastikan anak-anak tidak terjebak dengan pola kesatuan yang berunsur negatif sejak dari peringkat awal.

Mewujudkan Akta Inhalan

Selain usaha pencegahan menerusi factor-faktor yang dikenalpasti sebagai punca pembabitan remaja dalam tabiat menghidu gam, pihak berwajib perlu mewujudkan akta khusus yang mengharamkan sebarang bentuk penyalahgunaan inhalan. Situasi masa kini tidak mengekang pengguna mahupun penjual daripada memperolehi atau menjual bahan dengan sewenang-wenangnya.

Jika diteliti, para peniaga seharusnya sedar bahawa bahan yang dijual akan disalahgunakan dan mereka mempunyai tanggungjawab sosial untuk tidak menjual bahan tersebut kepada individu berkenaan. Kajian mendapati ada segelintir peniaga yang sudah berhenti menjual jenama gam yang digemari pelaku tetapi lebih ramai yang mengambil sikap tidak endah kerana tiada peruntukan undang-undang yang mengkehendaki mereka menyekat jualan bahan.

Kewujudan akta menandakan kerajaan serius untuk mengatasi masalah ini. Menerusi akta inhalan, ahli-ahli masyarakat akan dapat memainkan peranan dengan berkesan, secara langsung dapat membantu mengawasi insiden penyalahgunaan inhalan di kejiranan mereka. Tanpa akta, gejala ini akan terus berleluasa dan sukar dibendung kerana inhalan seperti gam akan terus diperolehi dengan mudah dan pelaku tidak segan silu melepaskan ketagihan mereka secara terbuka.

Walaupun perbuatan mereka mengundang padah kepada masyarakat, tetapi ahli komuniti yang prihatin hanya mampu memberikan nasihat yang lazimnya “masuk telinga kiri, keluar telinga kanan”. Di bawah keadaan ini, pihak berkuasa hanya boleh membuat tangkapan sekiranya mereka mengganggu ketenteraman awam atau terlibat dengan jenayah, tetapi bukan atas faktor tingkahlaku inhalan itu sendiri.

Kesimpulan

Inhalan, seringkali dianggap kurang berbahaya berbanding dadah lain kerana statusnya yang wujud sebagai komponen dalam bahan kegunaan domestik. Kajian mendapati anak-anak seawal 9 tahun sudah mula terjebak dengan gejala ini. Harga bahan yang murah serta mudah didapati menjadikan gam pelekat amat popular di kalangan pengguna muda.

Pelaku akan melakukan pelbagai perkara untuk mendapatkan wang termasuklah menipu ibu bapa, mencuri, menjual barangan berharga dari rumah serta menggunakan sebahagian wang pendapatan untuk membeli gam. Selain faktor ini, remaja terlibat kerana inginkan pengiktirafan daripada rakan sebaya. Tidak kurang yang menghidu gam kerana ingin menandingi rakan yang lain.

Ringkasnya, pengaruh rakan sebaya merupakan satu faktor yang signifikan yang menjelaskan kenapa remaja mudah terjebak dalam aktiviti inhalan. Rakan-rakan memberikan semangat untuk remaja mencuba sesuatu yang baru, dan rakan-rakan juga antara sebab kenapa mereka meninggalkan tabiat ini.

Bagi kumpulan ini, ibu bapa memainkan peranan yang sedikit dalam menentukan arah tingkahlaku anak-anak, oleh itu sukar untuk mereka membawa anak-anak kembali ke pangkal jalan. Justeru, adalah penting bagi pihak berwajib bersama-sama dengan ahli masyarakat menangani masalah ini di peringkat akar umbi dan tindakan pembanterasannya perlu didokong oleh peruntukan undang-undang yang spesifik agar usaha-usaha yang dimurnikan tidak berakhir dengan sia-sia.

Oleh itu cadangan penulis dalam hal ini digubal satu undang-undang bagi perbuatan menghidu gam ini termasuk juga mana-mana perbuatan lain yang terjumlah dalam skop menghidu bahan-bahan pelarut atau dengan lebih tepat lagi ah penyalahgunaan inhalan.

Akta yang sesuai digubal dalam konteks, ini ialah Akta dan Penyalahgunaan Inhalan. Akta ini akan merangkumi definisi bahan-bahan inhalan termasuk gam, aerosol, thinner, dan sebagainya. Selain itu seperti juga Akta Penagih Dadah Dan Pemulihan (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) penulis berpendapat perlu ada satu akta seperti ini.

Dalam konteks tabiat menghidu ini, dicadangkan agar Akta Penyalahgunaan Inhalan dan Pemulihan bagi membantu dan mengawal penghidu-penghidu untuk kembali pulih. Jika sebelum ini penghidu gam yang ditangkap tidak boleh ditahan tetapi hanya diberikan kausing yang tidak menjamin mereka untuk tidak akan mengulangnya lagi kerana tidak dihukum. Namun, dengan adanya penguatkuasaan akta tersebut, diharapkan mereka akan dapat dipulihkan.

Pusat pemulihan penyalahgunaan inhalan yang berperanan sama seperti pusat serenti untuk penagih dadah wajar ditubuhkan di bawah Akta ini. Suatu agensi untuk memantau kegiatan ini juga perlu ditubuhkan sama seperti peranan yang dimainkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Sebenarnya agensi seperti ini telah lama wujud di luar negara khususnya di Amerika Syarikat iaitu National Inhalant Prevention Coalition - Youth Use of Inhalants and Aerosol. Penubuhan institut ini dilihat begitu berkesan dan turut membantu menyumbangkan peranan yang besar dalam menangani gejala ini. Berdasarkan kepada perbincangan ternyata bahawa perbuatan atau tabiat menghidu gam ini merupakan satu penyakit sosial yang mendatangkan keburukan sarana ada dari segi kesihatan mahupun sosial dan perlu di atasi.

Namun kesedaran dan keprihatinan orang ramai dan pihak-pihak tertentu masih kurang terutamanya berbanding dengan penyalahgunaan dadah. Masyarakat beranggapan masalah ini tidak serius dan memandang remeh walaupun sebenarnya ia merupakan 'wabak' yang semakin menular jika tidak dibendung dengan segera. Tetapi lebih daripada itu selain daripada penggubalan undang-undang, perlu wujudnya kesedaran di segenap susur galur masyarakat yang bertitik tolak daripada institusi keluarga. Peranan institusi keluarga khususnya ibubapa tidak hanya terhad kepada menyediakan keperluan malah memastikan anak-anak tidak mudah dipengaruhi dengan gejala hidu gam ini. Ibu bapa perlu lebih peka dan prihatin terhadap persekitaran anak-anak. Kebanyakan masa yang ibu bapa habiskan dengan pekerjaan dan aktiviti sendiri membuka ruang untuk anak-anak menghabiskan masa diluar bersama rakan-rakannya. Peranan ini jelas telah diambil alih oleh rakan-rakan yang bersikap mengambil berat terhadap rakan-rakan yang lain. Anak-anak yang ketandusan kasih sayang dan merasa dipinggirkan adalah antara yang terlibat dalam gejala sosial ini. Perasaan ingin tahu dan ingin mencuba telah mendorong mereka melakukan sesuatu demi mencapai kepuasan selain sebagai menunjukkan rasa protes terhadap ibu bapa dan anggota masyarakat yang bersikap cuba menunding jari di atas setiap kesalahan yang berlaku tanpa mengambil inisiatif untuk membanteras dan menangani masalah tersebut dengan sebaik-baiknya.

Rujukan

- Academic Dictionaries and Encyclopedias (nd). Inhalant. Dilayari 16:30, Ogos 19, 2009 dari <http://dic.academic.ru/dic.nsf/enwiki/9315>
- Dorland's illustrated Medical Dictionary (2003), 30th Edition, Philadelphia: Saunders. Harris, Dan (2006). „Volatile Substance Abuse“, in Archives of Disease in Childhood – Education and Practice 2006; 91; pp. 93 – 100. Dilayari 09:32, November 02, 2008 dari <http://ep.bmjournals.com/cgi/content/full/91/4/ep93>
- Donovan, Jenny (1992). ‘When you’re ill, you’ve gotta carry it’ health and illness in the lives of black people’, dalam Eyles, John dan Smith, David M. (Editor), Qualitative Methods in Human Geography. Cambridge: Polity Press.180 – 196.
- Hazman bin Seli, Che Bakar Che Mat dan Wan Hamdi bin Nordin (2005). “Fenomena Penyalahgunaan Dadah dan Hidu Gam di Kalangan Remaja di Kawasan Persisiran Pantai Sarawak” in Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke 1. Sarawak: Institut Pengajian Asia Timur.
- Inhalant. (2009, April 2). In Wikipedia, The Free Encyclopedia. Dilayari 06:08, April 3, 2009, dari <http://en.wikipedia.org/w/index.php?title=Inhalant&oldid=281283731>
- In The Know Zone (2001). Inhalant. Dilayari 16:00, Oktober 25, 2008 dari <http://www.intheknowzone.com/inhalants/lterm.htm>
- Kikuchi, A. & Wada, K. (2003). Factors Associated With Volatile Solvent Use among Junior High School Students in Kanto, Japan“, in Addiction, 98, pp. 771-784.
- McGarvey. E. L. et al (1999). Adolescent Inhalant Abuse: Environment of Use“, in AM. J. Drug Alcohol Abuse, 25(4), pp. 731 – 741. Dilayari 16:35, Disember 15, 2009 dari www.dekker.com
- Mohammad Shahid Ismail & Mahmood Nazar Mohamed (2007). “Remaja Menghidu Gam: Pengaruh Keluarga dan Rakan Sebaya” dalam Jurnal Antidadah Malaysia, Bil 1 Jun 2007. Putrajaya: Agensi Antidadah Kebangsaan.
- NIDA (2005). Inhalant Abuse. NIDA Research Report Series, National Institute of Health.
- OneWorld.net (2007). Glue-sniffing Ruins Young Lives in Nairobi. Dilayari 08:45, Jun 5, 2008 dari <http://us.oneworld.net/article/view/152395>
- Piaget, J. (1952). The Origins of Intelligence in Children. New York: Oxford University Press.
- Preboth, Monica (2000). Prevalence of Inhalant Abuse in Children. American Family Physician, February 2. Vol. 61. Issue 4, 1206, 1/3p.
- Serenity Lane (nd). Inhalant Abuse. Dilayari 14:16, September 18, 2008 dari http://www.serenitylane.org/druginfo/inhalant_abuse.html
- Sharp, C. W. (1992). Introduction to Inhalant Abuse, in Sharp, C.W et. al. 1992. Inhalant Abuse: A Volatile Research Agenda, National Institute on Drug Abuse Research Monograph Series No. 129; Rockville: NIDA.
- Suriati Ghazali dan Colonius Atang (2008). Pencarian dan Penafsiran Maklumat Kualitatif Dalam Penyelidikan Geografi: Pengalaman Daripada Kajian Kesejahteraan Ketua Keluarga Wanita. Journal Manusia dan Masyarakat, Vol.16(Siri Baru): 156-179
- US Department of Health and Human Services (2003). Inhalants in Substance Abuse Treatment Advisory, Vol. 3, Issue 1, March 2003.
- US Drug Enforcement Administration (August 2006). Inhalants. Dilayari 15:30, Ogos 19, 2009 dari <http://www.usdoj.gov/dea/concern/inhalants.html>
- Williams, J.F. and Storck, M. (2007). Inhalant Abuse. Pediatrics. Vol.119, Number 5, May 2007.